



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 19 NOVEMBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MUNCUL JUARA AKH, KK4 TEKAD BANTU KEBUN KOMUNITI SEKITAR, NEWS, WILAYAHKU -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Muncul juara AKH, KK4 tekad bantu Kebun Komuniti sekitar		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	19 Nov 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	22	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	251 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,463
Frequency	Weekly	PR Value	RM 4,388



## Muncul juara AKH, KK4 tekad bantu Kebun Komuniti sekitar

**MUNCUL** tempat pertama Anugerah Kejiranan Hijau (AKH) 2022 bagi kategori Komuniti Perumahan Bertingkat menyuntik semangat ahli kebun KK4 (Kebun Komuniti) Presint 14 untuk membantu kebun lain di sekitar Putrajaya untuk menjejak langkah mereka.

Menurut Pengerusinya, **Burhanuddin Mohd Ghazali**, setelah tiga kali penyertaan KK4 dalam AKH, tahun ini memberi kenangan manis apabila KK4 berjaya dinobatkan sebagai juara.

"Ini kali ketiga KK4 menyertai AKH, sebelum ini pada tahun 2020 dan 2021, kami hanya mendapat saguehati sahaja. Jadi selepas ini kami mahu membantu Kebun Komuniti lain pula.

"Setakat ini apa yang saya lihat KK2 dan KK3 mempunyai potensi ke arah tersebut. Diharapkan mereka akan menyertai AKH akan datang," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang kemenangan yang diperolehi, Burhanuddin berkata anugerah tersebut menyuntik semangat mereka untuk terus melaksanakan budaya kitar semula, penggunaan Sistem Penyimpanan dan Penggunaan Air Hujan, pembuatan kompos dan seumpamanya.

"Terima kasih kepada semua



**BURHANUDDIN** (tiga kanan) menerima anugerah AKH yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk M Noor Azman Talib di Hotel Marriot Putrajaya baru-baru ini.

ahli kebun, Perbadanan Putrajaya (PPJ), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Pertanian, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), pelanggan serta pengunjung KK4 dan semua yang membantu serta menyokong kelangsungan Kebun Komuniti di Wilayah Persekutuan.

"Alhamdulillah usaha mengekalkan konsep lestari yang KK4 amalkan mendapat pengiktirafan pada AKH 2022 bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia

(HPSB 2022) baru-baru ini.

Ber cerita lanjut tentang KK4 yang popular dengan pengeluaran *rock melon* serta produk hiran cincau, Burhanuddin berkata mereka juga bakal menerima satu lagi anugerah (pingat gangsa) dalam MIP Planning Excellence Awards (MIPPEA) 2022.

"Syukur untuk tahun ini sahaja kami berjaya merangkul beberapa anugerah yang jelas menunjukkan usaha berbudi kepada tanah biarpun secara kecil-kecilan pasti mendatangkan hasil yang berbaloi," ujarnya.